

16 MAR 1998

MAHATHIR DAN PEMIMPIN VIETNAM BINCANG HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Vietnam bersetuju supaya dagangan antara negara-negara Asean ditingkatkan dengan menggunakan mata wang masing-masing.

Beliau berkata persetujuan itu dinyatakan oleh Presiden Vietnam Tran Duc Luong semasa kedua-dua pemimpin negara itu bertemu di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas mengunjungi Luong di sebuah hotel di sini, Dr Mahathir berkata dalam pertemuan itu, pemimpin Vietnam itu telah meminta beliau menjelaskan masalah kewangan yang dihadapi Malaysia dan negara-negara Asean lain.

Kedua-dua pemimpin itu juga turut berbincang mengenai mesyuarat kemuncak Asean yang akan diadakan di Hanoi dan mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Luong tiba di sini petang ini untuk lawatan tiga hari. -- BERNAMA

AZZ NAK